

Ucapan YAB Perdana Menteri Tun Haji Abdul Razak b. Hussein  
Semasa Melancarkan RISDA di Dewan Tengku Abdul Rahman  
pada 1hb. January, 1973.

Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kerana diberi penghormatan untuk melancarkan Rubber Industry Small-holders Development Authority atau dengan ringkasnya RISDA pagi ini. Dengan tertubuhnya RISDA ini, kita mewujudkan sebuah organisasi yang khusus akan menjaya kemajuan dan perkembangan perusahaan getah bagi pekebun-pekebun kecil supaya dapat dikawal dengan lebih teratur dan sempurna.

Sebagaimana kita sedia maklum sektor pekebun kecil sangatlah penting dalam ekonomi negara kita. Dari segi pengeluaran getah asli, sektor pekebun kecil di negara ini menghasilkan kira-kira 50 peratus dan pengeluaran ini akan bertambah pada masa yang akan datang. Dari segi pengeluaran getah diseluruh dunia pula, sektor pekebun kecil negara kita membekalkan sebanyak 20 peratus daripada pengeluaran getah asli. Ini dengan sendirinya membuktikan peranan penting pekebun kecil dalam perusahaan getah seluruhnya.

Di samping itu sektor pekebun kecil negara kita melibatkan kira-kira 3 juta penduduk dan kalau termasuk pemeroses dan peniaga-peniaga getah, hampir 3½ juta penduduk negara kita bergantung dengan cara langsung mahupun tidak secara langsung kepada sektor pekebun kecil ini.

Sungguhpun begitu keadaan pekebun kecil hari ini belumlah begitu memuaskan meskipun Kerajaan telah menjalankan langkah-langkah yang perlu membaiki keadaan ini, malahan boleh dikatakan mereka jauh ketinggalan di belakang. Pekebun-pekebun kecil hendaklah sedar bahawa kejayaan mencapai cita-cita hidup baharu dan menikmati taraf hidup yang tinggi bukanlah bergantung kepada usaha-usaha Kerajaan. Mereka mestilah bekerja kuat dan bersedia menukar sikap terhadap perubahan-perubahan yang sedang berlaku disekeliling mereka.

Saudara-saudara sekalian,

Masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil menjadi bertambah berat dengan perkembangan-perkembangan yang berlaku dari segi teknik dan penyelidikan serta cara-cara baru memproses getah. Di samping itu keadaan pasaran dunia dan juga persaingan yang hebat antara getah asli dan getah synthetic menyebabkan harga getah turun-naik atau fluctuate dan ini dengan sendirinya mencabar pekebun-pekebun kecil di negara ini supaya bergerak serentak dengan perkembangan moden.

Dalam keadaan hari ini, pada amnya pekebun-pekebun kecil tidak dapat menggunakan sepenuhnya kemajuan-kemajuan teknologi dan hasil-hasil pengetahuan baru berbanding dengan pihak swasta dalam sektor ladang. Perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai oleh sektor ladang dalam bidang penyelidikan serta teknik memproses serta sistem pemasaran sudah jauh ke depan. Maka itu, Kerajaan memandang mustahak mengadakan satu dasar baru bagi kemajuan pekebun-pekebun kecil dan merasakan ini, setelah diluluskan oleh Parlimen, RISDA ditubuhkan mulai dari 1 Januari tahun ini.

Sebagaimana dimaklum, RISDA bertanggungjawab atas semua aspek kemajuan di sektor pekebun kecil. Ini termasuk memodenkan sektor pekebun kecil dengan menggunakan sepenuhnya hasil-hasil penyelidikan dan kemajuan teknik dalam penanaman getah serta memprosesnya dan seterusnya berusaha bersama MRDC mengadakan satu sistem pemasaran yang efficient bagi pekebun-pekebun kecil. Tetapi yang amat penting lagi ialah menanamkan sikap baru dan konsep moden bagi semua pekebun kecil sesuai dengan keadaan hari ini. Dengan ini nyatalah bahawa unsur-unsur pembaharuan semestinya menjadi asas yang kukuh kepada konsep RISDA supaya membolehkan semua pekebun kecil kita menggunakan amalan-amalan yang moden bagi meninggikan mutu pengeluaran getah serta mendapat hasil yang lebih tinggi. Dengan ini juga kita berharap mengekalkan kedudukan yang teguh dibidang perusahaan getah bagi menghadapi persaingan

antara getah synthetic dan getah asli dalam pasaran dunia.

Saudara-saudara sekalian,

Sehingga hari ini hampir-hampir 65 peratus dari kebun-kebun kecil telah ditanam semula berbanding dengan lebih dari 87 peratus disektor ladang. Tetapi masa telah berubah dan keperluan perusahaan getah terutama sekali dikalangan pekebun kecil telah semakin bertambah. Usaha-usaha penyelidikan yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Getah Malaysia telah menghasilkan banyak penemuan baru berkenaan dengan benih, cara membiak, cara menoreh dan soal agromoni. Pengetahuan teknologi untuk memodenkan sektor pekebun kecil bolehlah dikatakan sudah ada pada kita. Tetapi cara melaksanakan pendapat-pendapat baru ini merupakan satu persoalan. Manakala sektor ladang dapat menerima dan melaksanakan pendapat-pendapat baru ini dengan cepatnya, sektor pekebun kecil tidak berupaya melaksanakan pendapat-pendapat baru ini dengan bersendirian, oleh kerana faktor sosio-ekonomi dan kebun-kebun yang sangat kecil.

Meskipun kita mempunyai peraturan yang kemas untuk bertanam semula di kalangan pekebun-pekebun kecil, tetapi aktiviti ini terhad kepada pemberian benih, baja dan alat perkakas semasa pokok masih muda. Kegiatan menanam semula di masa lampau hanya bergantung kepada keupayaan pekebun-pekebun kecil sendiri. Keadaan inilah yang menyebabkan mereka ketinggalan dalam context perindustrian getah pada keseluruhannya jika dibandingkan dengan sektor ladang. Menurut strategi baru yang akan menjamin kejayaan pekebun kecil, RISDA akan mengusahakan penanam semula dengan cara pembangunan kawasan atau area development. RISDA akan juga mengusahakan tanaman baharu berkelompok bagi faedah pekebun-pekebun kecil yang mempunyai kurang dari 6 ekar dan penyertaan pekebun-pekebun kecil itu adalah dengan cara memegang saham di dalam rancangan ini. Di samping itu, pekebun-pekebun kecil yang diam berdekatan dengan rancangan-rancangan berkelompok akan diberi peluang bekerja disitu. Tujuan-tujuan rancangan ini adalah untuk menjadikan kebun-kebun yang sangat kecil itu unit kebun yang ekonomik serta memberi peluang-peluang kerja kepada peserta-pesertanya.

Dari segi memproses pula, Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia atau MRDC telah diarah mendirikan kilang-kilang bagi memproses getah pekebun kecil menurut cara-cara yang terbaru supaya menjamin pendapatan yang lebih lumayan kepada pekebun-pekebun kecil itu.

Saudara-saudara sekalian,

Jelaslah jika dilihat dari tugas-tugas dan tanggungjawab RISDA bahawa kedudukan perindustrian getah khasnya mengenai pekebun-pekebun kecil akan bertukar corak dan melihat kemajuan yang pesat. Tetapi di sebalik itu banyak lagi yang harus diusahakan supaya tujuan-tujuan yang asal dapat dicapai dengan jayanya. Saya suka mengingatkan bahawa tugas dan kewajipan semua yang berkaitan dengan RISDA di masa hadapan bukanlah perkara yang ringan. Tetapi saya percaya dengan keazaman dan didikasi dan dibawah pimpinan Pengerusinya yang masak pengalamannya dalam hal getah serta dengan kerjasama semua pihak, objektif kemajuan hendak memperbaiki nasib pekebun-pekebun kecil akan terlaksana dengan penuh kejayaan.

Saya telah juga mengarahkan RISDA supaya mengadakan satu 'integrated approach' terhadap semua masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil. Pada masa yang lampau masalah pekebun kecil dikendalikan oleh beberapa pertubuhan iaitu Lembaga Perusahaan Getah (Tanam Semula), Pusat Penyelidikan Getah (RRI) dan juga MRDC. Semua ini sekarang akan dikendalikan oleh RISDA. Dengan itu bolehlah diadakan integration samada mengenai hasil penyelidikan yang dijalankan oleh RRI dan juga sistem pemasaran yang dijalankan oleh MRDC untuk menfaat semua/pekebun kecil di negara ini. Dengan cara 'integrated approach' inilah maka RISDA akan memastikan bahawa sektor pekebun kecil, akan diperbaharui

pada semua aspek bagi meninggikan taraf ekonomi pekebun-pekebun kecil dan memberikan kehidupan yang lebih sempurna.

Soal membaiki keadaan ekonomi pekebun-pekebun kecil berhubung erat dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Maka itu RISDA akan bekerjasama dengan semua agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam bidang lain di samping menyelaraskan semua kegiatan yang akan dijadikan sektor pekebun kecil itu moden dalam ertikata sepenuhnya. Tidak syak lagi RISDA akan memainkan peranan yang penting di dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru terutama dari segi menyusun semula masyarakat.

Saudara-saudara sekalian,

Saya ingin juga menyentuh satu hal yang kurang menyenangkan mengenai pekebun kecil sendiri. Pada masa ini pekebun-pekebun kecil kita berbelah-bagi dalam beberapa persatuan yang dikatakan mewakili kepentingan pekebun-pekebun kecil. Hari ini ada Jumaah Persatuan-persatuan Pekebun-pekebun Kecil (Council of Small-holders), ada Persekutuan Kebangsaan Pekebun-pekebun kecil dan di samping itu mereka juga memasuki Persatuan Peladang. Dalam keadaan begini saya nampak susahlah menjamin persatuan-persatuan itu menjalankan usaha-usaha dengan sempurna dan berkesan. Saya berharap kedua badan yang mewakili pekebun-pekebun kecil yang ada sekarang ini mencari jalan supaya dapat kata sepakat di antara mereka menubuhkan hanya satu Badan Kebangsaan sahaja yang benar-benar mewakili pekebun-pekebun kecil di seluruh negara ini.

Saudara-saudara sekalian,

Sekianlah sahaja ucapan saya sambil berharap dengan pelancaran RISDA ini usaha-usaha kita dapat ditumpukan dengan sepenuhnya kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil dan membaiki kedudukan mereka itu. Marilah kita berdoa mudah-mudahan hasrat dan cita-cita kita melalui usaha-usaha RISDA yang murni itu berjaya sepenuhnya.

# MAJLIS PELADANG KEBANGSAAN

## PERWAKILAN Majlis Perwakilan Persatuan Peladang Kebangsaan



Gambar ini menunjukkan Allahyarham YAB Tun Abdul Razak sedang berucap merasmikan Majlis Perwakilan Persatuan Peladang Kebangsaan pada tanggal 22hb. Jun, 1974 di Dewan Bahasa dan Pustaka. Pengenaln gambar dari kiri ke kanan YB Datuk Haji Mustafa bin Haji Abdul Jabar Pengerusi LPP, YB Encik Abdul Ghafar bin Baba Menteri Pembangunan Ekonomi Desa dan Ketua Pengarah LPP Encik Ahmad Sarji bin Abdul Hamid.